

28 JAN 1996

TIDAK PERLU PILIHAN RAYA MENGEJUT DI SABAH, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak hari ini berkata kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) pada ketika ini tidak berhasrat membubarkan Dewan Undangan Negeri bagi memberi laluan kepada pilihan raya mengejut di negeri ini.

"Penggagal Dewan Undangan Negeri yang ada sekarang hanya berakhir pada tahun 1999 dan kita merasakan bahawa pada peringkat ini tidak perlu mengadakan pilihan raya," katanya.

Ketika bercakap dengan pemberita di kediaman rasminya di Seri Gaya di sini selepas menerima kunjungan hormat Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muamad Taib, Salleh berkata apa yang penting sekarang ini ialah untuk meneruskan kerja dan memastikan kestabilan berkekalan.

Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Maximus Ongkili pada Rabu lepas menggesa kerajaan BN negeri mengadakan pilihan raya bagi mendapatkan mandat baru di kalangan rakyat negeri ini.

Mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah, Salleh berkata perkara itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk diputuskan secara muktamad.

"Sekarang ini kita kena tunggu (keputusan itu)," katanya.

Beliau yakin isu penggiliran jawatan itu akan dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. -- BERNAMA